

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : DEWAN SERI JUGRA, TELOK DATOK, BANTING
Tarikh : 20 JULAI 2003
Tajuk : DI MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KEMPEN PERANGI DADAH
HABIS-HABISAN DAN PENYERAHAN WANG TABUNG KEAMANAN
IRAQ 2003 RM 1 UNTUK 1 NYAWA "CINTAI KEDAMAIAN"
ANJURAN MAYC KAWASAN KUALA LANGAT

Saudara Pengerusi Majlis

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

Saudara-Saudari yang saya hormati

Assalamu'alaikum,

Marilah kita bersama-sama memanjat doa kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana di atas limpah kurniaNya, kita dapat bertemu di dalam Majlis pada petang ini. Bagi saya, Majlis seperti ini amat bermakna dan mempunyai signifikansi yang tersendiri. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Penganjur Program Kempen Perangi Dadah Habis-Habisan dan Penyerahan Wang Tabung Keamanan Iraq 2003 RM 1 untuk satu Nyawa – Cintai Keamanan anjuran MAYC Kuala Langat yang sudi menjemput saya untuk memberi ucapan. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan dan ucapan tahniah kepada MAYC Kuala Langat di atas inisiatif yang telah diambil dalam menjayakan Majlis ini.

Tuan-tuan dan Puan-Puan,

2. Peredaran dan perubahan dunia pada masa ini yang digerakkan oleh ledakan proses globalisasi sentiasa memerlukan kita semua berwaspada dan bersedia dalam menghadapi segala kemungkinan yang mendatang. Kita lihat pada masa ini, dunia sentiasa bergolak yang menjadikan dunia antarabangsa berada di dalam keadaan tidak menentu. Ketidaktentuan ini berpunca dari berbagai-bagai peristiwa yang berlaku – samada daripada tindakan manusia sendiri yang hanya ingin mempertahankan kepentingan sendiri kerana menganggap dirinya berkuasa serta mempunyai kekuatan dan, yang keduanya, berpunca daripada kejadian bencana alam semula jadi atau dengan kata lain, daripada ketentuan Allah S.W.T.

3. Faktor-faktor ini boleh mendatangkan berbagai kesan kepada dunia dan penghuninya. Kesan-kesan yang dialami adalah samada kesan negatif atau sebaliknya. Malangnya, apa yang dunia alami sekarang ini, khususnya daripada tindakan manusia yang tidak bertanggungjawab – banyak kesan sampingan yang negatif yang wujud. Kesan-kesan negatif ini telah memporak-perandakan sistem antarabangsa yang dibina bertahun-tahun lamanya bagi menjaga kepentingan dunia sejangat dan penduduk dunia. Apabila kestabilan sistem antarabangsa digugat dan

peraturan perundangan antarabangsa tidak lagi menjadi "panduan" dan dipedulikan, masyarakat antarabangsa, terutamanya mereka yang tidak berkemampuan akan sentiasa rasa tertekan dan tidak selamat.

4. Gejala ini adalah satu fenomena yang agak baru dalam politik dunia antarabangsa. Ia wujud selepas era perang dingin dan perpecahan Persekutuan Negara-Negara Soviet Union pada penghujung tahun 1980an. Sejak itu, dunia antarabangsa seolah-olah hilang "paksi" untuk mempertahankan keseimbangan politik antarabangsa. Ini dapat kita lihat apabila Amerika Syarikat wujud sebagai sebuah negara yang kuat dan menganggapnya sebagai sebuah kuasa besar yang tidak boleh dipersoalkan. Kebangkitan Amerika Syarikat di bawah Pentadbiran Bush dengan polisi-polisinya terhadap sistem antarabangsa dunia luar telah mewujudkan era baru dalam percaturan politik dunia antarabangsa. Slogan "siapa kuat dialah menang" menjadi satu pegangan baru yang didokong oleh Pentadbiran Bush.

5. Keadaan sedemikian telah mengakibatkan negara-negara di dunia perpecah-belah – negara-negara membangun dan kecil yang bergantung kepada Amerika Syarikat untuk "survival" telah memilih menjadi sekutu Amerika Syarikat. Nilai dan prinsip-prinsip berkecuali dan sokongan kepada kesatuan negara-negara membangun telah diketepikan. Hanya beberapa negara membangun yang mampu bertahan dan berdiri sendiri bertindak menolak kehendak Amerika Syarikat. Dalam konteks ini, kita sebagai rakyat Malaysia perlu berbangga kerana dibawah kepimpinan YAB Dato' Seri Dr. Mahathir, negara kita berjaya mempertahankan pendirian kita terhadap beberapa isu antarabangsa, khususnya tindakan unilateral Amerika Syarikat mencerobohi Iraq.

6. Malaysia menentang pencerobohan AS tersebut berpandukan kepada prinsip undang-undang antarabangsa dan Piagam PBB. Kita menolak tindakan AS membelakangkan badan dunia itu dalam hal keamanan dan sekuriti antarabangsa. Malaysia berpegang kepada prinsip penyelesaian sebarang pertikaian seara aman dan menentang sebarang tindakan unilateral. Serangan pre-emptive AS telah membuka landasan yang merbahaya dalam hubungan antara negara. Pendirian kita yang tegas ini dihormati oleh banyak negara-negara lain. Namun begitu, saya ingin tegaskan di sini bahawa Malaysia bukanlah anti-Amerika Syarikat.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

7. Bantahan kita terhadap pencerobohan Amerika Syarikat selain daripada apa yang saya katakan di atas, adalah kerana ianya boleh menjadi satu "precedent" (dahulu) yang amat merbahaya kepada sistem politik antarabangsa dan juga negara-negara membangun yang bukan menjadi sekutu Amerika Syarikat. Apa yang terjadi akibat ari pencerobohan ke atas Iraq oleh AS dan sekutunya ialah perpecahan antara anggota-anggota masyarakat antarabangsa. Keadaan ini telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap PBB, prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa dan sistem multilateralism yang selama ini menjadi tunjang hubungan antara negara. Sekiranya berlarutan, perkembangan di atas akan membawa kepada ketidakstabilan sistem antarabangsa, dan ini akan membawa kesan buruk kepada negara-negara kecil seperti Malaysia yang bergantung kepada undang-undang

antarabangsa sebagai jaminan keselamatan dan kesejahteraan, baik dari segi politik, ketenteraan mahupun ekonomi. Lebih mengecewakan, PBB dikatakan tidak lagi efektif atau relevan kerana kuasa-kuasa besar boleh berbuat apa sahaja.

8. Pentadbiran Bush telah menunjukkan dengan jelas bahawa sikap tidak endah tersebut menjadi salah satu tunggak dasar luarnya. Hakikat ini dibuktikan melalui keengganan kerajaan AS menandatangani Protokol Kyoto Mengenai Perubahan Cuaca, tindak tanduk mereka yang telah melemahkan sistem perlucutan senjata antarabangsa serta usaha mereka untuk melemahkan Mahkamah Jenayah Antarabangsa.

9. Amat mendukacitakan juga, Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) sendiri tidak sepakat dalam isu Iraq. Semasa Sidang Terbuka Majlis Keselamatan (MK) PBB untuk membincangkan situasi tersebut pada 26-27 Mac 2003, negara-negara NAM mengutarakan pendirian yang berbeza.

10. Perpecahan ini dikhuatiri akan menyukarkan lagi ikhtiar Malaysia untuk menjadikan NAM sebagai sebuah Pergerakan yang dihormati di pentas antarabangsa. Dalam usaha menangani perkembangan tersebut, Malaysia sebagai Pengerusi NAM telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Mesyuarat Peringkat Menteri-Menteri Luar Troika NAM untuk membincangkan kedudukan dan masa depan Iraq di Paris pada 2-3 Mei 2003 lalu.

11. Saya ingin menyatakan bahawa pihak AS sedia maklum akan pendirian Malaysia dalam isu pencerobohannya ke atas Iraq. Sementara AS mengiktiraf hak Malaysia untuk menyuarakan pandangannya, mereka telah memohon bantuan kita untuk mengurangkan retorik tersebut kerana dikhuatiri ia akan menyumbang ke arah sentimen anti-Amerika

12. AS ada menyatakan hasratnya untuk melihat Malaysia, sebuah negara Islam yang moderate serta pengerusi NAM, memainkan peranan dalam post-war Iraq termasuk di dalam memberi sokongan dalam bentuk anggota tentera kepada sebuah multinational force (bukan di bawah naungan PBB) ataupun menghantar pasukan polis bagi menjaga ketenteraman awam. Malaysia juga dipohon supaya bersedia menahan pemimpin Iraq yang ada di dalam senarai orang yang dikehendaki untuk siasatan lanjut sekiranya mereka berada di Malaysia. AS juga menyatakan bahawa syarikat-syarikat Malaysia tidak disenarai-hitamkan dan boleh membuat tawaran untuk kontrak-kontrak membaik pulih Iraq.

13. Tetapi, Malaysia sehingga kini tidak melibatkan diri di dalam usaha pembangunan semula Iraq selain daripada memberi bantuan kemanusiaan kepada rakyat Iraq. Pendirian kita ini adalah kerana pada masa ini Iraq masih belum ada kerajaan sendiri yang "legitimate" dan Iraq diletakkan dibawah Pusat Pentadbiran Amerika Syarikat. Ini adalah sesuatu yang amat mendukacitakan kerana rakyat Iraq, setelah dibebaskan tidak dibenarkan untuk mentadbir negara sendiri. Negara Iraq yang merdeka dan berdaulat dahulunya kini hancur kerana pencerobohan Amerika Syarikat yang mempercayai Iraq mempunyai senjata pemusnah (WMD). Kita tahu

semua ini adalah satu pembohongan besar oleh Amerika Syarikat dan sekutunya. Sehingga kini, tidak ada apa-apa bukti kukuh yang menunjukkan Iraq mempunyai senjata pemusnah (WMD). Tindakan Amerika Syarikat mencero bohi Iraq jelas mempunyai motif lain.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

14. Sesuai dengan Majlis ini iaitu Kempen Perangi Dadah Habis-Habisan, saya ingin menyentuh dengan ringkas mengenai perkara ini. Sebagai Menteri yang bertanggungjawab mengenai segala perkara berkaitan hal ehwal luar negeri, Kementerian saya juga terlibat dalam soal ini, terutamanya dimensi antarabangsa seperti kegiatan penyeludupan dadah melintasi batas sempadan sesebuah negara. Isu ini juga boleh mengancam keselamatan negara, dan kerajaan telah mengisytiharkan masalah dadah, terutamanya penyalahgunaan dan penagihan dadah sebagai salah satu ancaman utama kepada keselamatan negara.

15. Memandangkan masalah penyeludupan dadah merupakan satu isu global, Malaysia telah memainkan peranan aktif di fora antarabangsa dalam menggerakkan dan menyarankan masyarakat dunia agar merencanakan mekanisme kawalan sedunia untuk menyekat penyeludupan dan pembekalan dadah. Selain itu, Malaysia sering menyeru agar keutamaan diberi kepada program-program pencegahan untuk menangani penyalahgunaan dadah.

16. Operasi sindiket-sindiket pengedar dadah antarabangsa hari ini telah menjadi semakin canggih dengan adanya teknologi multimedia elektronik. Kebanyakan daripada sindiket-sindiket ini juga menggunakan senjata api dalam operasi mereka. Apabila operasi pengedaran dadah menjadi semakin terancang maka pihak kerajaan dan pihak berkuasa sesebuah negara juga harus meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang.

17. Mereka yang terlibat dalam operasi pengedaran dan penyeludupan dadah ini akan sentiasa mencari jalan untuk memintas sistem kawalan sesebuah negara. Jenayah terancang seperti ini boleh menjejaskan keberkesanan dan integriti institusi pelaksanaan undang-undang dan kewangan sesebuah negara melalui cara rasuah dan penipuan. Gejala seperti ini, jika dibiarkan berleluasa, akan mengancam kestabilan politik dan ketenteraman sesebuah negara.

18. Sebagai menunjukkan komitmen Malaysia dalam memerangi gejala dadah di peringkat antarabangsa, Malaysia telah menyertai pelbagai Konvensyen dan Perjanjian Persefahaman di peringkat kerjasama dua hala, di peringkat serantau seperti ASEAN dan di peringkat organisasi antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

19. Malaysia berpendapat bahawa usaha-usaha menangani dan membanteras gejala pengedaran dadah memerlukan kerjasama penuh antara negara-negara dan agensi-agensi berkuasa yang terlibat dalam aktiviti memerangi dadah. Untuk itu, aktiviti-

aktiviti yang dilaksanakan mestilah menyeluruh, berterusan, seimbang dan mempunyai pendekatan yang pelbagai.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Kesimpulan

20. Amalan dasar luar negara kita setelah hampir 46 tahun merdeka telah banyak memberi manfaat kepada negara. Dasar luar yang pragmatik dan berlandaskan keperluan serta kepentingan negara telah menghasilkan sebuah negara Malaysia yang pesat membangun, dihormati serta disegani dunia luar. Hari ini, kita berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara maju dunia. Kita bebas dan bermaruah. Kita tidak rasa tersisih ataupun diketepikan oleh masyarakat dunia. Suara kita terus didengari di persada antarabangsa.

21. Dunia masa kini tidak lagi membolehkan mana-mana negara wujud terasing dan bersendirian. Dunia globalisasi memaksa kita menerima hakikat bahawa kita merupakan sebahagian daripada rantau dan dunia yang luas. Kita sendiri sedar di mana sesuatu yang berlaku di negara yang jauh di sebelah sana dunia masih boleh mengganggu gugat kesejahteraan kita baik dari segi politik atau ekonomi. Justeru, amat malang sekiranya kita membiarkan hala tuju negara ditetapkan oleh pihak asing. Kita harus berupaya menangani isu-isu yang timbul dan meminimalkan pendedahan kepada ketidakstabilan dan ketidakpastian dunia. Di dalam hal ini, dasar luar negara yang pro-aktif dan bervisi adalah mustahak untuk menjamin kepentingan dan kedaulatan negara. Tanpa dasar luar yang mantap, Malaysia mungkin telah lama hanyut, hidup mengikut telunjuk kuasa-kuasa besar. Sehubungan itu, penting bagi penggubalan dasar luar negara mencerminkan keadaan serta keperluan dalaman negara.

22. Tatalaku hubungan luar Malaysia setelah hampir setengah abad merdeka juga jelas menunjukkan kematangan. Malaysia kini dikenali ramai dan dijadikan sebagai contoh bagi negara membangun. Kita tidak memihak kepada mana-mana blok tetapi berbaik-baik dengan semua negara di dunia. Namun sikap bebas serta keyakinan kita menyuarakan pendapat mengenai beberapa isu, tidak disenangi oleh sesetengah pihak. Media asing kadangkala berpandangan negatif - imej negara diperburukkan, dan pandangan pelabur dan pelancong terhadap Malaysia cuba dipesongkan. Namun, mereka yang berpeluang datang ke Malaysia dapat melihat dengan mata sendiri betapa tidak tepatnya laporan media terhadap kita.

23. Akhir kata, saya berharap kita semua akan terus dapat mempertahankan hak dan kedaulatan negara yang tercinta. Perkembangan dan pergolakan dunia antarabangsa yang menyebabkan dunia menjadi tidak menentu perlu dipantau. Ini adalah amat perlu supaya kita sentiasa bersedia dan berupaya menangani segala cabaran yang datang. Kerajsama daripada semua rakyat Malaysia adalah pemangkin yang penting untuk memastikan negara kita terus maju dan berjaya demi kestabilan dan keselamatan kita semua. Kita mesti ingat orang lain tidak akan membantu kita sekiranya kita jatuh, hanya kita semualah yang akan menanggungnya dan membina

semula negara kita. Oleh yang demikian, janganlan kita mempersia-siakan segala apa yang kita ada pada hari ini. Kita mesti terus berusaha dengan lebih gigih bagi memastikan kesinambungan kecemerlangan Malaysia.

Terima kasih.

Pejabat
20 Julai 2003

YB

Menteri

Luar